



**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**GARIS PANDUAN
SKIM GERAN PENYELIDIKAN
PEMBANGUNAN PROTOTAIP (PRGS)
(PINDAAN TAHUN 2017)**

**BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO 2, MENARA 2,
JALAN P 5/6, PRESINT 5,
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN,
PUTRAJAYA
NO.TEL. : +603 – 8870 6975
NO. FAKS : +603 – 8870 6867**

SENARAI KANDUNGAN

Visi dan Misi Penyelidikan Fundamental	3
BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	4
1.1 Falsafah	4
1.2 Definisi	4
1.3 Tujuan	4
1.4 Kluster Penyelidikan	4
1.5 Syarat-syarat Permohonan	5
1.6 Peraturan Permohonan	6
1.7 Kriteria Penilaian	7
1.8 Peraturan Kewangan	7
1.9 Hasil Penyelidikan	9
1.10 Pengumuman Tarikh Permohonan	11
BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)	12
2.1 Penilaian Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip	12
BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)	13
3.1 Implementasi Projek	13
3.2 Pemantauan Projek	13
3.3 Pengawalan dan Penalti	15
BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)	16
4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	16
BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)	16
5.1 Ketua Projek Berhenti bertugas di IPT/Berpindah IPT	16
BAHAGIAN 6 (PERANAN)	17
6.1 Peranan Penyelidik	17
6.2 Peranan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)	17
6.3 Peranan Jawatankuasa Penilaian	18
6.4 Peranan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)	18

VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL

Visi

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing untuk transformasi ilmu dan kecemerlangan negara

Misi

Membudaya, memperkasa dan melestarikan kapasiti penyelidikan berimpak tinggi bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap perkembangan bakat, peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan peradaban yang dinamik.

BAHAGIAN 1

PERMOHONAN

1.1 FALSAFAH

Kebanyakan hasil penyelidikan pembangunan prototaip tidak dapat dikomersilkan kerana hasil penyelidikan masih di peringkat awal. Untuk kesinambungan, Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) diwujudkan untuk membantu merapatkan jurang antara penemuan penyelidikan dan pengkomersilan bagi tujuan penciptaan teknologi baru selaras dengan keperluan K-Ekonomi dan pelaksanaan Model Ekonomi Baru.

1.2 DEFINISI

Dana yang diwujudkan bagi pembangunan prototaip untuk merapatkan jurang di antara penemuan makmal/penyelidikan sehingga sebelum pra-pengkomersilan. Ini termasuk pembuktian konsep (*proof of concept*), penilaian (*evaluation*), skala naik (*up-scaling*), ujian pra-klinikal (*pre-clinical testing*) dan ujian lapangan (*field testing*).

1.3 TUJUAN

Dana PRGS diwujudkan untuk membantu merapatkan jurang antara penemuan penyelidikan dan pengkomersilan bagi tujuan penciptaan teknologi/penemuan baru selaras dengan keperluan K-ekonomi dan pelaksanaan Model Ekonomi Baru.

1.4 KLUSTER PENYELIDIKAN

Terbuka untuk semua kluster penyelidikan yang telah mempunyai hasil penemuan yang memerlukan Pembangunan Prototaip.

1.5 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 1.5.1 Skim ini terbuka kepada kakitangan akademik IPT dengan syarat-syarat berikut:-
- 1.5.1.1 Warganegara Malaysia.
 - 1.5.1.2 Kakitangan akademik tetap / kontrak (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah).
 - 1.5.1.3 Bagi kakitangan akademik kontrak, termasuk bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia yang bertaraf tetap.
- 1.5.2 Skim PRGS dibuka kepada semua penyelidik yang memenuhi syarat permohonan dan telah melengkapkan projek terdahulu.
- 1.5.3 Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan pada setiap fasa.
- 1.5.4 Permohonan baharu bagi mereka yang telah diluluskan Skim PRGS pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan bukti projek PRGS terdahulu telah selesai sepenuhnya di dalam modul pemantauan sistem MyGRANTS dan disahkan oleh RMC.
- 1.5.5 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu RM500,000.00 dengan tempoh penyelidikan maksimum **sehingga dua (2) tahun** sahaja.
- 1.5.6 Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan cuti sabbatical (luar dan dalam negara melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan membuat permohonan baharu. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 1.5.7 Ketua Penyelidik yang berpindah universiti, cuti belajar dan cuti sabbatical (luar negara melebihi tempoh 6 bulan) perlu melepaskan kedudukannya sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.

1.5.8 Kelulusan Jawatankuasa Etika manusia/haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama.

1.6 PERATURAN PERMOHONAN

- 1.6.1 Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip perlu menggunakan Borang Permohonan Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip yang terkini melalui sistem atas talian dari Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi.
- 1.6.2 Permohonan untuk Skim PRGS dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati kluster (perenggan 1.4) dan syarat (perenggan 1.5) di atas.
- 1.6.3 Pihak penyelidik diminta menyatakan geran atau sumber kewangan dari peringkat awal projek penyelidikan sehingga ke tahap memerlukan pembangunan prototaip.
- 1.6.4 Bagi pembangunan prototaip yang melebihi siling PRGS, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.
- 1.6.5 Pihak penyelidik perlu menyatakan perancangan geran yang telah/akan diperolehi sehingga ke tahap pra-komersilan.
- 1.6.6 Semua permohonan Skim PRGS perlu dilakukan secara pembentangan kepada Jawatankuasa Penilaian.
- 1.6.7 Bagi setiap projek yang diluluskan, sekiranya perlu atas nasihat panel penilai, seorang mentor akan dilantik untuk memberi bimbingan ke arah kebolehjayaan komersil produk (*commercial viability of product*).
- 1.6.8 Bagi projek penyelidikan yang melibatkan manusia, projek tersebut perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Etika.

1.7 KRITERIA PENILAIAN

1.7.1 Geran yang dipohon mestilah melibatkan penghasilan salah satu perkara berikut :

1.7.1.1 Pembuktian konsep (*proof of concept*)

1.7.1.2 Penilaian (*evaluation*)

1.7.1.3 Skala naik (*up scaling*)

1.7.1.4 Ujian Pra Klinikal (*pre-clinical testing*); dan

1.7.1.5 Ujian lapangan (*field testing*)

1.7.2 Prototaip yang memberi impak kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau

1.7.3 Prototaip yang berpotensi untuk menjana industri berasaskan ilmu/pengetahuan baru; atau

1.7.4 Prototaip yang berpotensi yang menyumbang kepada agenda strategik negara.

1.8 PERATURAN KEWANGAN

Geran PRGS tidak boleh digunakan bagi perkara berikut:

i. Menghasilkan pelan perniagaan (*Business plan*)

ii. Kajian pasaran (*Market survey*)

iii. Pameran dan Promosi produk (*Product exhibition and promotion*)

iv. Pembentangan persidangan (*Conference presentation*)

1.8.1 **Vot 11000**

Upah dan Elaun untuk Pegawai/Pembantu Penyelidik (RO/RA)

Siling upah dan elaun bagi RO/RA **warganegara Malaysia** adalah tidak melebihi RM36,000. RO/RA hendaklah yang bukan bertaraf pelajar.

1.8.2 **Vot 21000**

Perjalanan dan Pengangkutan

Perjalanan domestik dan antarabangsa yang berkaitan dengan projek tidak melebihi 15% daripada jumlah geran. Sekiranya melebihi 15%, penyelidik perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Penilaian.

1.8.2 **Vot 24000**

Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan pembangunan prototaip.

1.8.3 **Vot 27000**

Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan pembangunan prototaip sahaja dibenarkan.

1.8.5 **Vot 28000**

Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

1.8.6 **Vot 29000**

Perkhidmatan Ikhtisas

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pembangunan prototaip.

Pembayaran pemfailan harta intelek adalah dibenarkan dengan siling berjumlah RM5,000 dan selebihnya adalah di bawah tanggungan IPT.

1.8.7 **Vot 35000**

Aksesori dan Peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan pembangunan prototaip berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan.

Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi dan perkakasan ICT seperti workstation, laptop, iPad, hand phone, printer, stationery yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah geran.

1.9 HASIL PENYELIDIKAN

Hasil penyelidikan yang perlu dicapai oleh pemegang geran Prototaip adalah sekurang-kurangnya **satu (1) prototaip, satu (1) harta intelek dan hasil pengkormersilan.**

1.9.1 Prototaip

1.9.1.1 Prototaip yang memenuhi ciri-ciri/objektif yang diluluskan

- 1.9.1.2 Prototaip yang berjaya mendapat geran pra-komersilan dan pengkomersilan.

1.9.2 Hak Milik Harta Intelekt

- 1.9.2.1 Setiap projek penyelidikan perlu menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) harta intelek.
- 1.9.2.2 Ketua projek **diwajibkan** memfailkan sekurang-kurangnya satu (1) IP selepas setahun projek dimulakan.
- 1.9.2.3 Bagi projek yang dibiayai oleh Skim PRGS, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelekt di dalam negeri dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelekt hasil Skim PRGS menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT.
- 1.9.2.4 Pengurusan Harta Intelekt adalah menjadi tanggungjawab IPT.

1.9.3 Hasil Pengkomersilan

- 1.9.3.1 Hasil pengkomersilan dari pembangunan prototaip yang dibiayai oleh Skim PRGS dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.
- 1.9.3.2 Untuk IPTA, hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada.
- 1.9.3.3 Untuk IPTS, perincian hak milik pengkomersilan hendaklah dipersetujui dalam klausa kontrak.

1.10 PENGUMUMAN TARIKH PERMOHONAN

1.10.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

Pihak KPT akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) melalui surat rasmi kepada IPT.

BAHAGIAN 2

PENILAIAN

2.1 PENILAIAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PROTOTAIP (PRGS)

- 2.1.1 Permohonan Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip akan dinilai oleh setiap Jawatankuasa Penilaian mengikut kluster-kluster yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam kluster masing-masing dan pakar/pengurus dana pelaburan pengkomersilan dan pra-pengkomersilan.
- 2.1.2 Pembentangan kertas cadangan dengan kaedah pitching mengikut format pembentangan oleh ketua projek (wakil TIDAK dibenarkan) bagi cadangan projek yang telah disenarai pendek akan dinilai oleh Panel Penilai yang dilantik oleh KPT. Keputusan penilaian adalah muktamad.
- 2.1.3 Pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk Skim Geran Pembangunan Prototaip yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT) untuk kelulusan.
- 2.1.4 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, Kementerian Pendidikan Tinggi.

BAHAGIAN 3

PEMANTAUAN

3.1 IMPLEMENTASI PROJEK

Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran Pembangunan Prototaip perlu dipantau dari aspek:-

- (i) Prestasi projek; dan
- (ii) Prestasi kewangan.

3.2 PEMANTAUAN PROJEK

3.2.1 Setiap IPT perlu menghantar laporan prestasi dan kewangan projek penyelidikan PRGS melalui sistem MyGRANTS yang terdiri daripada:-

(i) **Borang PRGS - P1(R)**

Laporan Pembangunan Prototaip di bawah Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS);

- untuk diisi oleh setiap penyelidik di IPT; dan
- dihantar kepada Urus Setia PRGS, KPT sebelum 15 Februari dan 15 Ogos setiap tahun;
- perlu dihantar kepada KPT melalui RMC di IPT masing-masing

(ii) **Borang PRGS - P2(RMC)**

Laporan Keseluruhan Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT;

- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing; dan
- perlu disertakan bersama-sama Borang PRGS-P1(R), PRGS-K1(RMC) dan Laporan Pencapaian.

(ii) **Borang PRGS - K1(RMC)**

Laporan Kewangan bagi Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT;

- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing; dan
- disertakan bersama-sama dengan Borang PRGS-P2(RMC).

(iii) Laporan akhir penyelidikan (berbentuk *hardcopy* dan *softcopy*) perlu dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan format profil tidak melebihi lima (5) muka surat merangkumi:-

- a) Ringkasan penyelidikan dan penemuan
- b) Laporan Kewangan
- c) Laporan Aset
- d) Hasil Pencapaian (disertakan bahan bukti)
 - Prototaip
 - Hak Harta Intelekt
 - Hasil Pengkomersilan (revenue RM)

Nota: Pelaporan hasil penyelidikan seperti di para 3.2.1.(iv).d perlu disertakan lampiran prototaip, pemfailan harta intelek dan hasil pengkomersilan. Jumlah muka surat lampiran ini tidak termasuk bilangan mukasurat profil laporan akhir.

3.2.2 Bagi Laporan Prestasi Projek Penyelidikan mengikut *milestone*/bulanan atau suku tahunan adalah terpulang kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian melainkan terdapat arahan khusus mengenainya.

3.2.3 Pemantauan tahunan akan juga dilakukan secara pembentangan kepada panel penilai. Penentuan keperluan lawatan tapak bagi tujuan verifikasi akan ditetapkan oleh panel penilai.

3.2.4 Pembentangan Laporan Akhir juga akan diadakan secara pembentangan kepada panel penilai setelah projek tamat sepenuhnya. Penentuan keperluan lawatan tapak bagi tujuan verifikasi akan ditetapkan oleh panel penilai.

- 3.2.5 Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada RMC setiap IPT.
- 3.2.6 Permohonan pindah vot hanya dibenarkan sekali dalam setahun sahaja dan amaun yang boleh dipinda adalah tidak melebihi 50% dari kelulusan asal bagi setiap vot.
- 3.2.7 RMC boleh mempertimbangkan permohonan lanjut tempoh maksimum enam (6) bulan berdasarkan justifikasi yang kukuh.
- 3.2.8 Pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan penyelidikan setiap IPT. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- 3.2.9 Semua laporan mesti berdasarkan kepada hasil penyelidikan yang diluluskan sahaja.

3.3 PENGAWALAN DAN PENALTI

- 3.3.1 Pelaksanaan program/projek mesti dilakukan pada tahap etika dan integriti yang tinggi. Sebarang isu plagiarisme akan dikenakan penalti.
- 3.3.2 Setiap IPT perlu memastikan semua projek/program perlu mencapai prestasi kewangan yang memuaskan berdasarkan *milestone*.
- 3.3.3 Prestasi Projek perlu mencapai hasil prototaip dan hak harta intelek seperti dalam cadangan yang telah diluluskan.
- 3.3.4 Pihak RMC perlu mengenal pasti projek lewat jadual/bermasalah dan boleh memberi Ketua Projek tempoh 3 bulan untuk mencapai prestasi yang memuaskan.
- 3.3.5 Ketua Projek yang telah dikenalpasti bermasalah akan **disenaraihitam bagi tempoh 2 tahun** sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan geran yang baharu.

BAHAGIAN 4

KEPUTUSAN

4.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- 4.1.1 Surat kelulusan Projek akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT.
- 4.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh KPT kepada IPT setelah surat kelulusan PRGS dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan.
- 4.1.3 Keputusan Jawatankuasa Penilaian PRGS adalah muktamad.

BAHAGIAN 5

LAIN-LAIN

5.1 KETUA PROJEK TIDAK LAGI BERTUGAS DI IPT YANG DIPERAKUKAN

Geran PRGS diluluskan dan diperakukan untuk sesebuah IPT. Jika berlaku seperti perenggan 1.5.7, geran dan harta intelek tersebut masih di bawah kawal selia IPT yang diperakukan.

BAHAGIAN 6

PERANAN

6.1 PERANAN PENYELIDIK

- 6.1.1 Hanya memohon Skim PRGS bagi produk yang telah betul-betul bersedia untuk pembangunan prototaip.
- 6.1.2 Memastikan borang-borang permohonan/kemajuan/pemantauan diisi dengan lengkap dan sempurna dan dihantar mengikut jadual.
- 6.1.3 Kelulusan Jawatankuasa Etika manusia/haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama.
- 6.1.4 Melakukan penyelidikan dengan baik dan mengikut etika.
- 6.1.5 Memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut jadual dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 6.1.6 Melengkapkan diri dengan pengetahuan/kesedaran tentang keperluan harta intelek.
- 6.1.7 Membudayakan minda perintis, keusahawanan, inovatif dan kolaboratif.

6.2 PERANAN PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

- 6.2.1 Menghebahkan maklumat mengenai Skim PRGS kepada penyelidik masing-masing.
- 6.2.2 Membentuk jawatankuasa penilaian peringkat universiti yang khas untuk Skim PRGS yang dianggotai oleh pakar kluster dan pengurus dari sayap pengkomersilan.
- 6.2.3 Memastikan penilaian dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

- 6.2.4 Kelulusan Jawatankuasa Etika manusia/haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama.
- 6.2.5 Memastikan permohonan menepati garis panduan.
- 6.2.6 Menilai dan memperakukan permohonan baru yang mempunyai kebolehjayaan komersil yang tinggi.
- 6.2.7 Memantau kemajuan projek.
- 6.2.8 Menyelaraskan pelaporan projek PRGS kepada KPT.

6.3 PERANAN JAWATANKUASA PENILAIAN

- 6.3.1 Menilai dan memperakukan permohonan baru yang mempunyai kebolehjayaan komersil yang tinggi.
- 6.3.2 Memantau kemajuan projek PRGS.
- 6.3.3 Melawat tapak jika perlu.
- 6.3.4 Memberi kritikan membina dan memberi motivasi kepada penyelidik.

6.4 PERANAN JABATAN PENDIDIKAN TINGGI (JPT)

- 6.4.1 Menyediakan direktori pakar dalam pelbagai kluster.
- 6.4.2 Menyediakan direktori pengurus dana pengkomersilan atau pra-pengkomersilan.
- 6.4.3 Mengenal pasti ahli Jawatankuasa Penilaian yang benar-benar berwibawa dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada pelbagai disiplin seperti Panel dari *Stanford Research Institute (SRI)* dan *Stevens Institute*. Mereka juga akan menjadi pemangkin untuk menilai pelatih tempatan.
- 6.4.4 Menyediakan peruntukan sepenuhnya bagi Skim PRGS yang diluluskan.

- 6.4.5 Mengenalpasti mentor melalui hubungan pintar dengan agensi seperti Cradle.
- 6.4.6 Bertindak sebagai sekretariat bagi semua aktiviti penilaian permohonan, pemantauan termasuk lawatan tapak dan penilaian akhir.
- 6.4.7 Menghebahkan produk kepada masyarakat sejagat.
- 6.4.8 Memastikan ahli Jawatankuasa Penilaian yang sama ditugaskan bagi menilai dan memantau produk yang sama.

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:



**BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO 2, MENARA 2,
JALAN P 5/6, PRESINT 5,
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN,
PUTRAJAYA
NO.TEL. : +603 – 8870 6975
NO. FAKS : +603 – 8870 6867
EMEL : prgsbpki@mohe.gov.my**